

SOALAN NO : 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 19 MAC 2018

SOALAN : 52

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) senarai caj perkhidmatan hospital Kerajaan terhadap warga negara dan warga rakyat negara asing ; dan
- (b) berapakah jumlah bilangan warga negara asing yang meminta perkhidmatan hospital Kerajaan pada tahun 2015, 2016 dan 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Caj perkhidmatan hospital Kerajaan bagi pendaftaran, siasatan dan rawatan serta perkhidmatan kesihatan lain adalah berdasarkan Perintah Fi (Perubatan)1982 dan Perintah Fi(Perubatan)(Pindaan) 2017 bagi warganegara Malaysia dan Perintah Fi(Perubatan)(Kos Perkhidmatan) 2014 bagi warganegara asing. Kedua-dua akta boleh dicapai di <http://www.federalgazette.agc.gov.my>

Pada tahun 2015, jumlah pesakit warganegara asing adalah 540,462 orang. Pada tahun 2016 jumlah pesakit warganegara asing berkurang kepada 452,056 orang dan pada tahun 2017, jumlah pesakit warganegara asing dianggarkan seramai 400,000 orang.